

Al-Azhar Al-Sharif setuju tawar biasiswa kepada pelajar cemerlang Malaysia - PM

11 November 2024 04:56pm Masa membaca: 2 minit



Anwar menyampaikan syarahan umum di Pusat Persidangan Al Azhar di hadapan mahasiswa dari Malaysia sempena lawatan rasmi empat hari Anwar ke Mesir pada Ahad. Foto Bernama

KAHERAH - Universiti Al-Azhar Al-Sharif bersetuju menawarkan biasiswa kepada pelajar Malaysia cemerlang untuk menuntut di universiti itu dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan teknologi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, ia adalah sebahagian daripada usaha memperluaskan akses pendidikan kepada pelajar dari Malaysia untuk menuntut di universiti tersohor itu.

"Saya juga menekankan perlunya Malaysia dan Al-Azhar Al-Sharif memperkukuh kerjasama di rantau ASEAN, terutama dalam bidang teknologi dan penyebaran ilmu pengetahuan," katanya ketika menyampaikan ceramah umum di Al-Azhar Conference Centre di Kaherah, pada Ahad.

Sesi ceramah Anwar bertajuk 'Teguh Bersama: Visi Umat Islam Menerusi Pemerksaan Teknologi, Sosial Dan Eekonomi' itu dihadiri lebih 1,500 pelajar dari Al-Azhar.

Sebelum itu Perdana Menteri mengadakan pertemuan bersama Sheikh Al-Azhar Al-Sharif, Prof Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb.

Pertemuan itu diadakan selepas Anwar mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Mesir Abdel Fattah El-Sisi di Al-Ittihadiya, sempena lawatan rasmi empat hari ke Mesir.

Dalam perbincangan Bersama Prof Ahmad, Anwar turut menyentuh tentang cadangan memorandum persefahaman (MoU) untuk memperkukuh kerjasama menerusi program Sains Islam (Ulum Islamiah) antara Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Al-Azhar Al-Sharif.

Turut disentuh ialah rancangan usaha sama antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Institut Bahasa Arab Al-Azhar Al-Sharif bagi mempererat hubungan Malaysia dan Mesir dalam bidang pendidikan. - Bernama